

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG**  
**KAWASAN : TEBRAU**  
**TARIKH : 22 MAC 2016, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN KHOO SOO SEANG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk memastikan kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam pembinaan hospital atau kerja-kerja menaik taraf institusi kesihatan Malaysia mempunyai pengetahuan khusus dan mengelakkan masalah pembinaan tidak berkualiti.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya semua projek Kerajaan dilaksanakan secara kaedah konvensional. Walau bagaimanapun berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2012, agensi Kerajaan dibenarkan untuk melaksanakan projek secara kaedah tender terhad pra-kelayakan ('pre-qualification' – pre-Q) bagi projek-projek yang melibatkan skop kerja yang kompleks dan kepakaran khusus, seperti pembinaan hospital baru Kerajaan.

Kaedah tender terhad pre-Q ini bertujuan untuk memastikan hanya kontraktor yang mempunyai pengalaman, kebolehan teknikal dan kewangan serta tadbir urus pengurusan projek yang baik sahaja dibenarkan mengambil bahagian dalam projek-projek kompleks. Senarai kontraktor yang dijemput untuk pre-Q itu dicadangkan oleh Lembaga Perolehan Agensi (LPA) dan perlu mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia. Mereka ini terdiri daripada kontraktor berwibawa yang mempunyai kepakaran kerja, modal pusingan yang cukup dan kemahiran dalam bidang dan skop kerja terlibat.

Sekian. Terima kasih.